

Kembali ke Rahmatullah Ta‘ālā

Dengan dukacita dimaklumkan bahawa Syed Mudha ibn Uthman Al-Edrus – guru dan Imam Masjid Jamek di Sibu Sarawak – telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā pada malam Isnin 21 haribulan Mei 1967 bersamaan dengan 12 haribulan Şafar 1387 H. Jenazahnya dikebumikan hari Isnin.

Almarhum adalah anak saudara kepada senator Datuk Tuanku Bujang (Syed Abdullah ibn Uthman Al-Edrus) dan sepupu kepada tuan punya percetakan Qalam Abdullah bin Hamid al-Edrus.

Almarhum terkenal sebagai seorang guru agama yang soleh dan warak semenjak mudanya dan telah menunaikan fardu haji pada tahun 1960. Dengan menerima berita yang sedih ini bagi pihak Qalam dan sekalian kakitangannya mengucapkan *innā li’Lāh wa innā ilayhi rāji‘ūn* serta mendoakan mudah-mudahan roh almarhum sentiasa dicucuri rahmat serta dihimpunkan bersama-sama dengan arwah para *anbiyā’*, *shuhadā’* dan *şalihīn*. *Āmin yā rabb al-‘Ālamīn*.

Pertanyaan dari:

Baharuddin Salih,
Sungai Petani,
Kedah.

“Bolehkah bagi orang perempuan

itu azan (bang?).

Jawab

Pada asalnya tiap-tiap suruhan agama itu diberatkan di atas lelaki dan perempuan melakukannya, kecuali kalau ada keterangan-keterangan yang menunjukkan bahawa perbuatan ini hanya khas bagi perempuan dan pekerjaan itu dihaskan pula untuk lelaki mengerjakannya.

Tetapi berhubung dengan masalah azan ini menurut mazhab Imam Shāfi‘ī adalah dihaskan kepada kaum lelaki sahaja; kerana hadith-hadith yang memerintahkan

azan itu hanya dikenakan ke atas

lelaki sahaja; tidak ada satu

hadith pun yang memerintahkan supaya

kaum perempuan juga harus azan.

Hal ini menunjukkan bahawa azan

atau bang itu hanya dibenarkan kepada kaum

lelaki dan tidak dibenarkan kepada kaum

wanita. Soal ini ada diyatakan oleh

satu hadith Rasulullah (S.A.W) yang

berbunyi:

“Laysa ‘alā al-nisā’ adhān wa lā iqāmah”

Ertinya: “Tidak ada (perintah) azan

dan iqamah atas perempuan” (Hadith

diriwayatkan oleh Al-Najād)

Lagi sabda Rasulullah (S.A.W) yang

diriwayatkan oleh Al-‘Aqīlī:

“Inna min al-nisā’ ‘ayya wa ‘awrati fa kafū ‘ayhinna bi al-sukūt wa wārawā ‘awratahunna bi al-buyūt”

Ertinya: “Sesungguhnya kelemahan

dan aurat itu (sifat) bagi

orang-orang perempuan; oleh kerana itu

tutuplah kelemahan mereka dengan diam, dan

sembunyikanlah aurat-aurat mereka dengan

tinggal di rumah-rumah”.

Dalam hadith di atas ada perkataan

perintah yang berbunyi “tutuplah kelemahan

mereka dengan diam”. Maksudnya:

perempuan-perempuan tidak boleh mengeraskan

suara mereka.

Dengan hadith tersebut juga

jelaslah kepada kita bahawa perempuan

tidak boleh melakukan azan, kerana

di dalamnya ada larangan perempuan bersuara

keras, sedangkan azan biasanya

diucapkan dengan suara yang nyaring

dan keras.

Di zaman Nabi, para sahabat dan

Tābi‘in tidak ada kedapatan satu

riwayat pun yang membolehkan perempuan

melakukan azan buat umum.